

1014- PROSEDUR, PROSES DAN KEBERKESANAN PROSES MAJLIS TAHKIM DALAM PENYELESAIAN SHIQAQ : KAJIAN DI MAHKAMAH SYARIAH SELANGOR

MOHAMAD YUSZAIRI BIN MOHAMAD ZAM ZAM

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Universiti Islam Selangor

yuszairi88@gmail.com

yuszairi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini melibatkan pelaksanaan dan keberkesanan Majlis Tahkim di Mahkamah Syariah yang melibatkan usaha mendamaikan pasangan atau pengislahan iaitu tuntutan yang bermula dengan perceraian di bawah Seksyen 47 EUUKIS dan apabila salah satu pihak tidak bersetuju dengan permohonan tersebut dan jika gagal maka diteruskan dengan proses Majlis Tahkim di bawah Seksyen 48 EUUKIS. Menggunakan kaedah metode kajian kualitatif dengan data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Selain daripada Enakmen Undang-undang Keluarga Selangor (EUKIS 2003), Kaedah-Kaedah Hakam Negeri Selangor (Pindaan 2014) dan buku undang-undang, data berkaitan statistik kes melibatkan Hakam di Selangor diperolehi daripada Bahagian ADR JAKESS untuk 5 tahun terakhir (2018-2022). Data turut diperolehi melalui temubual berstruktur bersama responden terpilih. Kajian ini melibatkan temubual bersama dengan tenaga pakar daripada Ilmuan Fiqh, Hakim Syarie, Peguam Syarie, Pegawai Hakam, untuk mendapatkan pandangan dan cadangan penambahbaikan kepada amalan semasa. Kajian mendapati bahawa pelaksanaan dan keberkesanan Majlis Tahkim ini merupakan satu usaha dan mempercepatkan proses perdamaian dan penyelesaian bagi kes-kes perceraian. Kajian mencadangkan agar proses Majlis Tahkim ini dapat dijalankan di semua Jabatan Kehakiman Syariah dan Mahkamah Syariah Negeri-negeri khususnya di Malaysia ini dengan bertepatan mengikut bidang kuasa yang diberikan di bawah Jadual Kesembilan Senarai Negeri.

Kata Kunci : Hakam, Shiqaq, Talak, Perceraian

PENGENALAN

Berdasarkan statistik di Selangor pada setiap tahun kes pembubaran perkahwinan seperti fasakh, ta'liq dan perceraian menunjukkan bilangan kes yang tinggi dan sentiasa meningkat jika dibandingkan dengan kes-kes lain. Pada kebiasaananya kes-kes pembubaran perkahwinan ini mengambil masa yang agak panjang untuk diselesaikan terutama dalam kes suami yang enggan untuk menceraikan isteri dengan cara yang baik. Keadaan ini menimbulkan banyak rasa tidak puas hati kepada mahkamah terutamanya bagi pihak isteri yang ingin bercerai. Masalah ini juga telah menarik perhatian Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sehingga baginda bertitah agar proses perceraian di Mahkamah Syariah Selangor dapat dipercepatkan dan disegerakan.

Secara umum, JAKESS telah mula aktif melaksanakan proses Hakam dengan penglibatan Pegawai Suhu sejak tahun 2006. Walau bagaimanapun, ketiadaan satu kaedah yang jelas berhubung dengan pelaksanaan hakam di Mahkamah Syariah telah menyebabkan pelaksanaan tersebut tidak menampakkan kesan yang jelas. Oleh yang demikian, wujudnya keperluan yang mendesak untuk menyediakan satu kaedah yang lengkap agar ia boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efisien.

METODOLOGI

Pengumpulan data dijalankan melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Data mengenai konsep dan teori peruntukan undang-undang berkaitan Majlis Tahkim diperolehi daripada pangkalan data elektronik, sumber perpustakaan termasuk buku, jurnal, kertas kerja, artikel berkaitan serta kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah Selangor. Seterusnya, data statistik kes melibatkan Majlis Tahkim di Selangor diperolehi daripada Bahagian Undang- Bahagian Penyelesaian Pertikaian dan Penyelesaian (ADR) JAKESS untuk 5 tahun terakhir (2018-2022).

KAJIAN LITERATURE REVIEW

Noresah Baharom (2007) di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat telah mendefinisikan runding cara sebagai khidmat nasihat menerusi perbincangan masalah dan cara-cara mengatasinya. Kebiasaannya amalan runding cara ini diamalkan di Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di bahagian Undang-Undang Kekeluargaan. Runding cara melibatkan proses khidmat pemberian bimbingan dan nasihat menerusi perbincangan masalah dan cara-cara mengatasinya. Sementara itu, kajian Mohamed Sharif Mustaffa (2003) mendapati perkhidmatan runding cara di jabatan agama Islam dilaksanakan oleh pegawai kaunseling bagi membantu pasangan suami isteri yang mempunyai masalah rumah tangga. Walau bagaimanapun, kajian mendapati kebanyakan pasangan yang mendapat khidmat nasihat sudah mempunyai keputusan untuk bercerai dan proses kaunseling hanya untuk memujuk mereka untuk mengubah fikiran.

Seterusnya, Shamshina Mohamad Hanifa (2013) menjelaskan satu lagi kaedah iaitu rundingan. Rundingan tidak melibatkan penglibatan mana-mana pihak ketiga. Ini kerana pihak yang terlibat sendiri (pihak yang bertikai) mengawal proses dan hasilnya. Mereka cuba untuk mengenal pasti perkara-perkara yang saling menarik dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul untuk mencapai situasi menang-menang ('win-win situation'). Ini membantu untuk meletakkan sesuatu dalam perspektif yang lebih baik dan mewujudkan impak yang berpanjangan, selain menjimatkan kos dan masa, ianya juga dapat mengeratkan hubungan daripada memburuk-burukkan antara pihak-pihak berkenaan. Konsep runding cara keluarga menurut Rifda El-Fiah (2016) melibatkan proses khidmat nasihat yang mengambil kira aspek kerohanian, syariah dan aqidah bagi mencapai matlamat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Terdapat empat tujuan kaunseling keluarga menurut perspektif Islam iaitu; pertama, membantu individu mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam konflik rumahtangga.

Kedua, membantu individu untuk mencegah timbulnya masalah-masalah yang berkaitan dengan kehidupan rumah tangga (keluarga). Ketiga, membantu individu menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan pernikahan dan kehidupan berumah tangga. Yang terakhir, membantu individu memelihara keharmonian dan kerukunan rumah tangga. Berdasarkan kajian oleh Raihanah Azahari (2007) di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling di Shah Alam mendapati, wanita merupakan jumlah yang paling ramai menjadi pengadu. Kenyataan ini menunjukkan bahawa wanita mungkin merasa lebih tertekan apabila berlakunya permasalahan rumahtangga. Kenyataan ini juga menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan yang tinggi berlakunya pengabaian tanggungjawab di kalangan para suami memandangkan jumlah mereka yang diadu adalah 204 orang atau 68%. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa aduan krisis rumah

tangga yang diterima oleh Jabatan Agama Islam Daerah Petaling di Shah Alam adalah dari pelbagai latar belakang, tahap pendidikan dan status ekonomi. Antara aduan yang paling banyak dikemukakan ialah kegagalan suami memberikan nafkah kepada isteri, poligami, meninggalkan isteri atau menghilangkan diri, sikap suami yang suka menjalinkan hubungan dengan perempuan lain. Ini disokong oleh jenis aduan yang disenaraikan dalam Prosedur Operasi Standard Khidmat Nasihat & Runding Cara Kekeluargaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (Khidmat Nasihat & Runding Cara Kekeluargaan).

Menurut kajian Haliza Ab. Shukor, et al (2012), sekiranya salah satu pihak enggan untuk bercerai dan mahkamah berpuas hati bahawa berkemungkinan wujudnya peluang untuk pihak-pihak kembali berdamai, mahkamah akan memerintahkan pihak-pihak untuk melalui proses perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai menurut Seksyen 47(5) EUUKI (Negeri Selangor) 2003 dan juga Seksyen 45(5) OUUKI (Sarawak) 2001. Tuntutan fasakh, taklik dan juga khuluk adalah termasuk kepada perceraian tanpa persetujuan satu pihak menurut Nik Noriani Nik Badli Shah, (2012). Perceraian tanpa persetujuan sebelah pihak juga boleh berlaku jika suami enggan melafazkan talak selepas satu permohonan perceraian dikemukakan, maka mahkamah akan memerintahkan pihak-pihak melalui proses Jawatankuasa Pendamai dalam usaha untuk mendamaikan kedua-dua pihak dengan melihat kepada kebarangkalian yang munasabah perkahwinan tersebut mungkin masih dapat diselamatkan. Ini dapat dilihat berdasarkan peruntukan seksyen 47 (5) EUUKI (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 45 (5) OUUKI (Sarawak) 2001 : 47(5)EUUKI : Jika pihak yang satu lagi tidak bersetuju terhadap perceraian itu atau jika Mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian antara pihak-pihak itu, Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh melantik suatu jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai Pengurus dan dua orang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi pihak isteri dan merujukkan kes itu kepada jawatankuasa itu. 45(5)OUUKI : Jika pihak yang satu lagi itu tidak bersetuju terhadap perceraian itu atau jika ternampak kepada Mahkamah bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian antara pihak-pihak itu, maka Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin melantik suatu jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai Pengurus dan dua orang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi pihak isteri, dan merujukkan kes itu kepada jawatankuasa pendamai itu.

Di peringkat Jawatankuasa Pendamai ini, mahkamah akan mengutamakan saudara terdekat suami dan isteri bagi membantu mendamaikan kedua-dua pihak yang bersengketa dalam tempoh masa selama enam bulan dari Jawatankuasa Pendamai dibentuk atau sehingga tempoh yang tertentu seperti yang dibenarkan oleh mahkamah. Menurut Haliza A. Shukor, et al (2012), dalam proses ini, mahkamah akan mengarahkan kepada Jawatankuasa Pendamai tentang perjalanan proses tersebut. Proses di peringkat Jawatankuasa Pendamai adalah proses yang melibatkan sesi kaunseling di Pejabat Agama Islam Daerah tempat pihak-pihak bermastautin dalam tempoh perkahwinan. Proses ini berbeza dengan Majlis Tahkim apabila Majlis Tahkim akan dijalankan di mahkamah syariah sepertimana proses Sulh. Setelah pihak-pihak berjaya mencapai perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai, maka mahkamah akan menolak permohonan perceraian tersebut. Suwaid Tapah (2007) telah menjelaskan bahawa Jawatankuasa Pendamai berperanan untuk mendamaikan kedua-dua pihak dalam tempoh enam bulan atau lebih setakat yang dibenarkan oleh mahkamah. Jawatankuasa yang dilantik perlu menjalankan fungsi dan tanggung jawabnya untuk mendamaikan kedua-dua pihak berdasarkan kepada pendekatan atau kaedah yang sesuai.

Jika usaha mendamaikan gagal, Jawatankuasa Pendamai dikehendaki menyediakan satu laporan dan perakuan mengenainya serta dilampirkan bersama cadangan atau syor yang difikirkan patut menurut seksyen 47 (11) EUUKI (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 45(11) OUUKI (Sarawak) 2001 sepetimana berikut : 47 (11) EUUKI : Jika jawatankuasa pendamai itu tidak dapat mencapai perdamaian dan tidak dapat memujuk pihak-pihak itu supaya hidup semula bersama sebagai suami isteri, jawatankuasa itu hendaklah mengeluarkan suatu perakuan tentang hal yang demikian itu dan boleh melampirkan pada perakuan itu apa-apa syor yang difikirkannya patut berkenaan dengan nafkah dan penjagaan anak-anak belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, berkenaan dengan pembahagian harta, dan berkenaan dengan hal-hal lain berhubung dengan perkahwinan itu. 45 (11) OUUKI : Jika jawatankuasa pendamai itu tidak dapat mencapai perdamaian dan tidak dapat memujuk pihak-pihak itu supaya hidup semula bersama sebagai suami isteri, jawatankuasa itu hendaklah mengeluarkan suatu perakuan tentang hal yang demikian itu dan boleh melampirkan pada perakuan itu apa-apa syor yang difikirkannya patut berkenaan dengan nafkah dan penjagaan anak-anak belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, berkenaan dengan pembahagian harta, dan berkenaan dengan hal-hal lain berhubung dengan perkahwinan itu.

Proses seterusnya jika perdamaian gagal dicapai di peringkat Jawatankuasa Pendamai dan didapati shiqaq masih berterusan, maka pihak-pihak perlu melalui proses Tahkim bagi menyelesaikan shiqaq yang berlaku seperti yang tertakluk di bawah Seksyen 48 EUUKI (Negeri Selangor) 2003 dan Seksyen 46 OUUKI (Sarawak) 2001 bagi negeri Sarawak. Jelas sekali, untuk menjamin pelaksanaan Majlis Tahkim yang lebih lancar, satu garis panduan yang sistematis amat diperlukan. Dalam hal ini, Negeri Selangor merupakan negeri pertama yang mengorak langkah dalam mewujudkan Kaedahkaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 dan kemudian disusuli Negeri Sembilan iaitu Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Sembilan) 2017. Berbeza pula di Sarawak, pelaksanaan Majlis Tahkim hanya tertumpu kepada Seksyen 46 OUUKI (Sarawak) 2001 dan juga Arahan Amalan Ketua Hakim Syari'i No. 1 Tahun 2006 . Kegagalan mencapai perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai dan setelah laporan dikemukakan, mahkamah seterusnya akan melantik dua orang wakil dari saudara karib pihak-pihak yang mengetahui mengenai shiqaq tersebut sebagai penimbang tara atau hakam dalam masa 14 hari selepas mahkamah memutuskan bahawa shiqaq tersebut sentiasa berterusan. Manakala, Majlis Tahkim adalah proses penyelesaian shiqaq itu sendiri.

Isu berkaitan kuasa hakam menurut perspektif hukum syarak telah dibincangkan oleh Mohd Saleh Haji Ahmad (2005). Menurut beliau, kuasa hakam dalam memisahkan pihak-pihak sekiranya usaha perdamaian tersebut masih dilihat tidak mampu dicapai dan suami isteri atau salah satu pihak masih bertegas untuk bercerai, beberapa pendapat ulama' telah membahaskan mengenai kuasa kedua-dua hakam suami dan isteri tersebut untuk memisahkan kedua-dua mereka. Pendapat pertama berdasarkan Mazhab Syafi'i, Mazhab Hanafi, Zahiriyyah dan salah satu riwayat daripada Imam Ahmad Hanbal berpendapat bahawa hakam tidak mempunyai kuasa untuk menceraikan suami dan isteri kecuali berdasarkan keizinan mereka sama ada dengan izin suami menjatuhkan talak atau izin isteri melalui perceraian tebus talak.

Manakala pendapat kedua pula adalah kedua-dua hakam yang mewakili suami dan isteri mempunyai kuasa untuk memisahkan suami dan isteri tanpa perlu mendapat keizinan dan persetujuan pihak-pihak dan pendapat yang rajih adalah menurut pendapat al-Imam Ibn Al-Qayyim apabila beliau mentarjikhkan pendapat kedua ini iaitu hakam mempunyai kuasa untuk memisahkan suami dan isteri tanpa perlu mendapat keizinan dan persetujuan. Pendapat

yang dikemukakan oleh al-Imam Ibn Al-Qayyim berdasarkan kepada firman Allah S.W.T Maksudnya : Jika kedua-duanya (orang tengah) bermaksud untuk mendamaikan, nescaya Allah memberi taufik kepada suami isteri itu Surah an-Nisa (4): 35 Ibn Al-Qayyim juga dalam mentarjihkan pendapatnya telah merujuk kepada riwayat dari Ali bin Abi Talib bahawa Saiyyidina Uthman pernah melantik Ibn Abbas dan Mu'awiyah sebagai Hakam kepada 'Uqail bin Abi Talib dan isterinya Fatimah binti Uthbah bin Rabi'ah dengan mengatakan, "jika kamu berpendapat untuk patut diceraikan mereka berdua, maka ceraikanlah mereka itu" Selain Ali bin Abi Talib juga turut menyatakan kepada dua hakam tersebut "kamu berdua dipertangung jawabkan, jika kamu berpendapat patut dicerai, maka ceraikanlah mereka berdua dan jika kamu berpendapat perlu dihimpunkan mereka berdua, maka himpulkanlah mereka".

Manakala kuasa hakam dari sudut perundangan, peruntukan Seksyen 48(5) EUUKI (Negeri Selangor) 2003 telah memperincikan mengenai hakam perlu berusaha mendapatkan kuasa penuh dari prinsipal mereka. Ringkasnya, kuasa penuh yang diperolehi itu adalah keizinan dari kedua-dua pihak. Hal ini dapat dinyatakan bahawa, jika suami membenarkan untuk hakam melafazkan satu talak di hadapan mahkamah, dan mahkamah berpuas hati bahawa talak dilafazkan di hadapan mahkamah, mahkamah hendaklah merekodkan dan rekod tersebut akan dihantar kepada Pendaftar. Subkaedah 11(3), Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 turut memperincikan bentuk kuasa penuh dari pinsipal iaitu bagi pihak suami, suami boleh membenarkan hakamnya untuk melafazkan satu talak atau khuluk di hadapan mahkamah dan bagi pihak isteri, isteri boleh membenarkan hakamnya menerima lafaz khuluk di hadapan mahkamah. Begitu juga Seksyen 46(5) OUUKI (Sarawak) 2001 yang telah memperuntukkan bahawa hakam yang dilantik hendaklah mendapatkan kuasa penuh daripada pihak-pihak yang bertikai. Jalan perceraian yang sama akan diputuskan sama ada hakam bagi pihak suami yang menjatuhkan talak, atau hakam pihak isteri perlu tebus talak untuk mendapatkan perceraian. Pentingnya hakam perlu mendapatkan kuasa penuh adalah bagi mengelakkan unsur keterpaksaan dan ketidakadilan.

Terdapat perbezaan mengenai pelaksanaan Tahkim di Selangor dan Sarawak. Ini kerana di negeri Selangor terdapat peruntukan yang lebih khusus dan terperinci mengenai proses Tahkim dan perkara-perkara berkaitan dengannya dalam Kaedah-kaedah Hakam Selangor 2014. Manakala di Sarawak tiada peruntukan khusus yang lebih terperinci mengenainya. Ia hanya tertakluk kepada peruntukan induk dalam OUUKI Sarawak dan Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak No. 1 Tahun 2006. Ringkasnya, Jawatankuasa Pendamai di bawah Seksyen 47 dan timbang tara oleh hakam di bawah Seksyen 48 EUUKI (Negeri Selangor) 2003 mempunyai banyak persamaan yang di antaranya untuk menjalankan proses perdamaian dan juga penyelesaian pertikaian di luar prosiding mahkamah berdasarkan kepada perintah mahkamah. Selain itu juga, kedua-dua prosedur ini juga merupakan kaedah dan prosiding yang dijalankan di luar mahkamah dan ianya melibatkan kes-kes permohonan perceraian sebelah pihak sama ada daripada pihak suami atau isteri dan akan melalui proses perdamaian jika terdapat salah seorang di antara suami atau isteri enggan untuk bercerai. Kegagalan mencapai perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai akan membawa kepada proses penyelesaian shiqaq di peringkat Majlis Tahkim.

SEJARAH PENUBUHAN HAKAM DI MAHKAMAH SYARIAH SELANGOR

Secara umumnya hakam ini diwujudkan dengan bermulanya Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 digubal sebagai perincian kepada peruntukan Seksyen 48 Enakmen

Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Pelaksanaan kaedah ini melibatkan Ahli Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Ketua Pendaftar, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah Syariah Selangor, Persatuan Peguam Syarie Malaysia dan Jabatan Peguam Negara.

DEFINISI ISTILAH

Antara perkataan atau istilah yang diguna pakai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. **Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)**
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) merupakan Jabatan yang melaksanakan tindakan melibatkan hal ehwal Islam di negeri Selangor termasuk urusan kekeluargaan orang Islam. Bahagian Alternatif Penyelesaian Pertikaian (ADR) merupakan entiti di bawah JAKESS yang memberikan perkhidmatan berkaitan urusan rundingcara, majlis tahkim dan penyelesaian di Selangor.
- ii. **Hakam**
Hakam adalah seseorang yang dilantik oleh Mahkamah Syariah sebagai wakil bagi pihak pasangan suami isteri yang mempunyai permasalahan rumahtangga dan perkelahian setelah Mahkamah mensabitkan shiqaq atau perbalahan yang berterusan.¹ Hakam juga berperanan di dalam mencari penyelesaian untuk pasangan tersebut berdamai semula secara baik dan hidup sebagai suami isteri. Kepentingan hakam adalah membantu pasangan supaya tidak berlakunya perceraian dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kes-kes perceraian khususnya di Mahkamah Syariah ini.
- iii. **Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUKIS)**
Enakmen ini merupakan peruntukan undang-undang keluarga Islam mengenai perkahwinan, penceraian, nafkah, penjagaan, dan perkara-perkara lain berkaitan dengan kehidupan keluarga di negeri Selangor.
- iv. **Perdamaian**
Istilah perdamaian (*Islah*) dalam kajian ini merujuk kepada usaha mencari perdamaian untuk membantu suami isteri yang bertikai dalam konflik rumahtangga (*shiqaq*) berdasarkan kepada Surah An-Nisa' (4) ayat: 35.
- vii. **Shiqaq**
Shiqaq dari segi bahasa bermaksud perbalahan atau permusuhan. Manakala dari segi istilah pula bermaksud suami isteri yang sentiasa berbalah dan bergaduh serta saling tuduh-menuduh antara satu sama lain bahawa mereka telah dizalimi oleh pasangan mereka (Norzulaila Mohd Ghazali et al, 2007) EUKIS tidak memberikan definisi shiqaq, namun istilah tersebut diberi maksud dalam dokumen lain iaitu Kaedah No 2 dalam Kaedah-kaedah Hakam 2014 iaitu shiqaq sebagai perkelahian antara suami dan isteri yang berlarutan yang menjelaskan kerukunan rumah tangga.

¹

PUNCA KUASA PELAKSANAAN HAKAM MENGIKUT HUKUM SYARAK DAN UNDANG-UNDANG

Dari segi nas Syarak terdapat dua ayat di dalam al-Quran yang menyebut secara langsung tentang hakam secara umum dan secara khusus. Ayat yang menyebut secara umum dalam surah an-Nisa' ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْرَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Ertinya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.

PANDANGAN MAZHAB BERKAITAN MAJLIS TAHKIM


Hakam tidak harus dalam perkara yang melibatkan qisas, nikah dan li'an kerana kes-kes ini adalah hak-hak yang didasarkan kepada konsep *ihtiyat* (konsep berhati-hati) dan perlu didengar oleh hakim sahaja. Walau bagaimanapun, melalui proses transformasi perundangan Syariah oleh JAKESS, Kaedah Hakam ini telah digubal dengan mengambil pendekatan dan pendapat

Imam Ibn Ahmad:

Hakam mempunyai kuasa utk memisahkan kedua pasangan dengan talak bain sekalipun tanpa keizinan.

Hal ini berlaku, apabila **jalan perdamaian gagal diwujudkan** antara suami isteri yang berbalah.

APAKAH WUJUD PERBEZAAN TEMPOH MASA PENGENDALIAN KES DENGAN HAKAM DAN PROSIDING BICARA BIASA



BAGAIMANA SUATU KES HAKAM DILAKSANAKAN

Sesuatu tuntutan perceraian itu mestilah dimulakan dengan Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, jika sekiranya salah satu pihak tidak bersetuju maka tuntutan tersebut akan dirujuk pula ke Seksyen 47 (5) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Peruntukkan Seksyen tersebut menyatakan bahawa :-

Jika pihak yang satu lagi tidak bersetuju terhadap perceraian atau jika Mahkamah berpendapat bahawa kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian antara pihak-pihak itu, Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh melantik suatu jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai pengurus dan dua

orang yang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi isteri, dan merujukkan kes itu kepada jawatankuasa itu.

Apabila proses pelantikan telah dibuat maka Mahkamah akan mengarahkan pihak-pihak tersebut untuk menjalani proses perdamaian itu dengan dipengerusikan seorang Pegawai Agama di Pejabat Agama Islam Daerah tersebut. Jika perdamaian itu gagal atau tidak mencapai persetujuan atau gagal memujuk pihak-pihak itu supaya hidup semula bersama sebagai suami isteri, jawatankuasa hendaklah mengeluarkan suatu perakuan di dalam laporan kepada Mahkamah tentang hal yang demikian.

Selepas laporan diterima oleh pihak Mahkamah dan setelah dibacakan dihadapan pihak-pihak, maka juga perlu menasihatkan suami untuk melafazkan talaq satu di hadapan Mahkamah. Jika suami tersebut enggan untuk melafazkan, maka Mahkamah hendaklah merujuk kes itu kepada Hakam untuk tindakan menurut seksyen 48 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Sebelum merujuk kepada proses bagi mewujudkan jawatankuasa hakam dan pelantikan hakam, Mahkamah hendaklah terlebih dahulu mensabitkan shiqaq antara pasangan suami isteri tersebut berdasarkan seksyen 48 subseksyen (1) Enakmen Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Mahkamah perlu mengesahkan dan merekodkan bahawa diperingkat pihak-pihak atau salah pihak memberikan keterangan setelah penyampaian saman disempurnakan khususnya pada seksyen 47 subseksyen (1)(d) Enakmen Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, di mana satu pihak tidak bersetuju dengan tuntutan perceraian tersebut atau dengan alasan-alasan yang diberikan bagi tujuan sesuatu perceraian itu. Mahkamah juga hendaklah berpuas hati bahawa ada hal keadaan yang luar biasa yang menyebabkan rujukan kepada suatu Jawatankuasa Pendamai (JKP) tidak praktikal seperti yang dinyatakan pada seksyen 47 subseksyen (15(e) Enakmen Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, Mahkamah dengan budibicarnya boleh terus melantik Hakam tanpa perlu merujuk kepada Jawatankuasa Pendamai (JKP).

KAEDAH SABITAN SHIQAQ DITENTUKAN OLEH HAKIM BICARA

Sesuatu proses Majlis Tahkim itu dilaksanakan keperluan utama adalah untuk Mahkamah mensabitkan shiqaq diantara pihak suami dan isteri yang bertikai. Maka Mahkamah hendaklah memutuskan bahawa shiqaq sentiasa berlaku dalam keadaan tertentu termasuklah-

- a) Perkelahian yang kerap antara suami isteri itu samada oleh sebab :-
 - i. Nusyuz isteri;
 - ii. Kezaliman suami
 - iii. Ketidaktentuan siapa yang benar antara kedua-duanya; atau
 - iv. Salah satu pihak atau kedua-dua pihak berdusta atau menuntut yang bukan hak.
- b) Perkelahian yang kerap antara suami isteri sehingga menimbulkan kesukaran menjalankan tanggungjawab masing-masing dan saling tuduh menuduh tidak melaksanakan hak sebagai suami ataupun isteri;

- c) Suami atau isteri saling tuduh menuduh antara keduanya mempunyai hubungan yang melampaui hukum syarak dengan perempuan atau lelaki lain;
- d) Perkelahian yang kerap sehingga menyebabkan pukul memukul;
- e) Salah seorang meninggalkan rumah kediaman, tidak tinggal bersama sedangkan punca sebenar tidak dapat dibuktikan oleh kedua-dua pihak di hadapan Mahkamah;
- f) Suami atau isteri saling tuduh menuduh antara keduanya mengenai tanggungjawab masing-masing terhadap anak-anak sehingga berlaku pertikaian dan perkelahian yang kerap;
- g) Jika didapati bahawa sebarang tuntutan oleh isteri untuk mendapatkan pembubaran perkahwinan tidak sabit dan ditolak oleh Mahkamah atas alasan dia tidak dapat membuktikan kebenarannya dan Mahkamah mendapati pertikaian itu masih lagi berterusan atau berulang antara suami isteri tersebut; atau
- h) Apa-apa tindaka yang menyebabkan dharar syari'e ke atas suami atau isteri tersebut.

PROSEDUR DAN TATACARA MAJLIS TAHKIM DI MAHKAMAH

Prosiding Majlis Tahkim dilaksanakan hendaklah selepas berlakunya proses pelantikan Hakam. Merujuk kepada Kaedah 11 Kaedah-Kaedah Hakam Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Pindaan) 2014, Mahkamah boleh memberi arahan mengenai tatacara perjalanan Majlis Tahkim kepada Hakam dan Hakam hendaklah mematuhi arahan itu dan hukum syarak. Setelah proses Majlis Tahkim dilaksanakan diperingkat yang pertama iaitu diperingkat pelantikan Hakam Kerabat jika gagal didamaikan atau diislahkan, maka kedua-dua Hakam hendaklah berusaha untuk mendapatkan kuasa penuh principal mereka masing-masing dengan menggunakan Borang 3 dan Borang 4 sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Hakam Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Pindaan) 2014.

Kaedah 11 (3) Kaedah-Kaedah Hakam Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Pindaan) 2014, berkaitan dengan kuasa penuh daripada principal kepada Hakam masing-masing iaitu:-

- a) Bagi suami, dia boleh membenarkan Hakamnya untuk melafazkan satu talak atau khulu' di hadapan Mahkamah.
- b) Bagi isteri, dia boleh membenarkan Hakamnya menerima lafaz khulu' di hadapan Mahkamah.

Kaedah 11 (4) Kaedah-Kaedah Hakam Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Pindaan) 2014, berkaitan dengan kuasa penuh daripada principal kepada Hakam masing-masing iaitu:-

Jika Hakam berpendapat bahawa ;-

- a) Pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian oleh sebab Hakam tidak mendapat kuasa penuh principal;
- b) Hakam tidak mencapai persetujuan dalam mana-mana peringkat Majlis Tahkim;
- c) Mahkamah tidak berpuashati dengan cara mereka menjalankan Majlis Tahkim; atau

- d) Mana-mana Hakam menarik diri dengan atau enggan meneruskan tugasnya sebagai Hakam dengan menggunakan Borang 5.

PENENTUAN JENIS PERCERAIAN

Kaedah 12 Kaedah-Kaedah Hakam Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Pindaan) 2014, berkaitan dengan penentuan jenis perceraian melalui Majlis Tahkim iaitu:-

Kedua-dua Hakam hendaklah berpuashati bahawa perdamaian gagal dicapai oleh kedua-dua belah pihak, mereka hendaklah menentukan pihak yang menjadi punca kepada berlakunya shiqaq itu. Merujuk pula kepada Kaedah 12 (2) Kaedah-Kaedah Hakam Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Pindaan) 2014, jika shiqaq itu;-

- a) Didapati berpunca daripada suami atau kedua-dua suami isteri, kedua-dua Hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara talaq;
- b) Jika didapati berpunca daripada isteri, kedua-dua Hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara khulu' dan kadar 'iwadh hendaklah diputuskan oleh kedua-dua Hakam;
- c) Tidak dapat ditentukan puncanya dan tuntutan perceraian dibuat oleh suami, maka kedua-dua Hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara talaq.

Kaedah 13 Kaedah-Kaedah Hakam Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Pindaan) 2014, berkaitan dengan keengganan pihak-pihak menghadiri Majlis Tahkim iaitu:-

Sekiranya suami atau isteri atau kedua-dua pihak itu enggan hadir dalam mana-mana prosiding Majlis Tahkim, keengganan itu tidaklah menyebabkan prosiding itu terhenti dan kedua-dua Hakam boleh membuat keputusannya.

Kaedah 14 Kaedah-Kaedah Hakam Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Pindaan) 2014, berkaitan dengan Laporan Majlis Tahkim iaitu:-

Kedua-dua Hakam hendaklah menyediakan laporan dengan menggunakan Borang 8. Laporan tersebut akan diserahkan dan dibentangkan di hadapan Hakim di dalam sesi selepas proses Majlis Tahkim dilaksanakan. Laporan itu dibuat berdasarkan kepada perbincangan yang dibuat bersama pihak-pihak dan setelah menilai keterangan-keterangan daripada kedua-dua pihak. Mahkamah juga merujuk sepenuhnya keputusan yang dibuat oleh kedua-dua Hakam tanpa adanya pertikaian selagi mana ianya tidak melanggar ketetapan hukum syarak dan undang-undang yang sedia ada.

SIGHAH TALAK ATAU KHULU'

Kaedah 15 Kaedah-Kaedah Hakam Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Pindaan) 2014, berkaitan dengan Laporan Majlis Tahkim iaitu:-

- a) Jika kedua-dua Hakam dalam Majlis Tahkim memutuskan supaya perkahwinan itu dibubarkan, maka talaq hendaklah dilafazkan oleh Hakam suami di hadapan dan dengan kebenaran Mahkamah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua;

- b) Jika kedua-dua Hakam dalam Majlis Tahkim memutuskan supaya perkahwinan itu dibubarkan secara khulu' dan 'iwadh telah disempurnakan oleh isteri dalam Majlis Tahkim, maka khulu' hendaklah dilafazkan di hadapan dan dengan kebenaran Mahkamah;
- c) Lafaz ijab dan qabul bagi khulu' adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
- d) Lafaz talaq Hakam ialah talaq bain sughro.

TEMPOH PELAKSANAAN MAJLIS TAHKIM

Kaedah 16 Kaedah-Kaedah Hakam Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Pindaan) 2014, berkaitan dengan Laporan Majlis Tahkim iaitu:-

Tempoh pelaksanaan Majlis Tahkim hendaklah tidak melebihi tiga puluh (30) hari dari tarikh perintah pelantikan dan pengisytiharan Hakam yang dikeluarkan oleh Mahkamah. Mahkamah juga boleh melanjutkan tempoh pelaksanaan Majlis Tahkim tersebut jika difikirkan patut oleh Mahkamah. Pelanjutan tempoh ini dibuat melalui oleh kedua-dua Hakam samada diperingkat Hakam pertama atau kedua dan jika ianya sesuai dan patut bagi keadilan kepada pihak-pihak tersebut.

KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROSES MAJLIS TAHKIM DI MAHKAMAH

Jika melihat dari sudut penyelesaian kes-kes yang melibatkan proses Majlis Tahkim ini dapat diselesaikan dengan lebih cepat yang tidak melibatkan sesuatu kes tersebut melebihi satu tahun atau lebih. Berbeza pula dari sudut penyelesaian kes-kes perceraian ini yang mana ianya sebelum Jawatankuasa Hakam atau proses Majlis Tahkim ini diwujudkan di Mahkamah Syariah ini khususnya. Maka terlintas dari sudut bagaimana penyelesaian kes-kes ini dapat diselesaikan dengan cepat, maka secara tidak langsung di pihak pengurusan tertinggi khususnya di Mahkamah Syariah Selangor ini bertindak dengan segera dan berusaha ke arah bagi mewujudkan Mahkamah Syariah ini terunggul di seluruh dunia dengan tujuan dan matlamat utama adalah untuk membantu pihak-pihak dalam penyelesaian kes-kes yang bertikai ini dengan lebih cepat.

Merujuk kepada data atau statistik kes-kes yang melibatkan penyelesaian melalui Majlis Tahkim bermula pada tahun 2018-2022.

Jadual 1: Perbezaan Penyelesaian kes-kes yang Hakam di Mahkamah Syariah Selangor

TAHUN	JUMLAH KES SELESAI SECARA HAKAM
2018	200
2019	916
2020	619
2021	1106
2022	1317

(Sumber data : Bahagian ADR JAKESS, 2018-2022)

Jadual penyelesaian kes-kes diatas kelihatan dari tahun ke tahun adalah meningkat maka secara tidak langsung rujukan kes-kes tuntutan perceraian yang tiada persetujuan adalah dirujuk sepenuhnya ke peringkat Majlis Tahkim. Maka ianya sudah tentu Majlis Tahkim ini memberikan kesan yang banyak kepada Mahkamah Syariah Selangor terutama dari sudut penyelesaian kes-kes yang didaftarkan.

KESIMPULAN

Pihak-pihak yang menghadapi isu-isu kekeluargaan dalam perkahwinan, pasangan akan terus memfailkan perceraian di bawah Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 tetapi salah satu pihak tidak bersetuju bercerai, jika mahkamah berpendapat ada peluang didamaikan maka Mahkamah boleh menubuhkan Jawatankuasa Pendamai (JKP) untuk mencari jalan perdamaian dan menentukan shiqaq. Pengurus JKP adalah Pegawai Agama daripada JAIS atau Pejabat Agama Daerah dan juga wakil kepada pihak suami dan seorang wakil daripada pihak isteri dan bertindak tidak lebih dari 6 bulan. Sekiranya perdamaian tidak berjaya, maka Mahkamah boleh menubuhkan JKP baharu jika perlu atau membawa kepada Timbang tara (Hakam) iaitu diperingkat hakam keluarga (Kerabat) dan (Panel Hakam/Tafriq) di bawah Seksyen 48. Saranan proses Majlis Tahkim ini juga perlu diperluaskan ke semua negeri-negeri yang masih belum mewujudkan prosedur dan proses Majlis Tahkim ini memandangkan ianya amat penting dalam membantu penyelesaian kes-kes di Mahkamah Syariah khususnya berkaitan dengan tuntutan perceraian.

RUJUKAN

- Muhammad al-Sharbini ai-Khatib (t.t). 1958. Mughni al-Muhtaj. Jil. 4. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Shafii, Muhammad Idris. 2004. Musnad al-Imam al-Shafii (Tertib Sanjar). Mahir Yasin Fahl (Ed.). Al- Kuwait: Sharikat Guras li al-Nasr wa al-Tawzi‘.
- Salleh Ismail. 2003. Pembuburan Perkahwinan Mengikut Fiqh Dan Undang-undang Keluarga Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Azizah binti Mohd Rapini, Zanariah Dimon, Hammad Mohamad Dahalan. 2018. Peranan dan Pelaksanaan Rundingcara Kekeluargaan : Satu Kajian Di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. 4th. International Conference on Islamiyyat Studies 2018. 18 th 19th Septembet 2018, Tenera Hotel, Bandar Baru Bangi Selangor. Organized by Faculty of Islamic Civilization Studies International Islamic University Collage Selangor, Malaysia.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam & Mazarina Nasuha Mat Nayan. 2021. Penglibatan Jawatankuasa Pendamai dan Hakam dalam Penyelesaian Tuntutan Perceraian. Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS), 7 (2): 28. pp. 207-233. ISSN (e-ISSN) :0128-0902
- Azizah Mohd Ripini, Nur Zulfah Md Abdul Salam, Zanariah Dimon, Hammad Mohamad Dahalan, Zaini Yusnita Mat Jusoh. 2018. 5th. International Research Management & Innovation Conference (5th. IRMC 2018) . Palm Garden Hotel Putrajaya, 7 August 2018. Fungsi Rundingcara Bagi Mengukuhkan Hubungan Pasangan Bermasalah dalam Perkahwinan. Al-Hikmah 12(2) 2020, 75-92.
- Mohammad Pairuz Suhairi Abdullah & Zainab Ismail. 2020. Al-Hikmah 12(2) 2020, hlm. 75-92.
- Nurzulaila Mohd Ghazali et. Al. 2007. Nusyuz, Shiqaq dan Hakam. Kuala Lumpur : Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
- Arne Huzaimah. 2019. Menelaah Pelaksanaan Hakam Pada Perkara Shiqaq Di Pengadilan

- Agama Indonesia dan Mahkamah Syari'ah Malaysia. T.t.p.
- Manual Kaunseling Syarie 2013. Kuala Lumpur : Jabatan Kehakiman Islam Malaysia.
- Prosedur Operasi Standard Khidmat Nasihat & Rundingcara Kekeluargaan Jabatan Agama Islam Selangor.
- Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor, and Siti Amalina Ahmad Khairuddin. 2021. Hakam dan Aplikasinya dalam Penyelesaian Kes Perceraian di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Selangor Humaniora Review, 5(1), 19-29.
- Syukran Yusof. (20 Oktober 2018). Kertas Kerja Prosiding Hakam Mengikut Hukum Syarak bertempat di Dewan Muktamar, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor.
- Nor Syaibah Shahabuddin et. al. 2016. Perceraian dalam kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat: Explorasi Faktor. Jurnal Sains Sosial Malaysian. Jil 1. 36-52.
- Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari. 2016. Penghayatan Islam dan Hubungannya dengan Konflik Rumah tangga: Kajian di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. Jurnal Syariah. Jil. 24, Bil. 3: 393-422.
- Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Izzat Emir Ghazali. 2017. Persepsi Masyarakat Terhadap Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Spiritual. Islamiyyat. 39(1): 57-65.
- Yusmini Md. Yusoff. 2013. Kepentingan Kaunseling dalam Menangani Masalah Rumah tangga. Jurnal Usuluddin. Bil 18. 137-148.
- Haji Mohd Saleh Haji Ahmad, 2005, Kaedah-kaedah Penyelesaian Pertikaian Dalam Islam : Tumpuan Kepada Konsep Tahkim di dalam Risalah Ahkam, Intel Multimedia And Publication
- Hammad Mohamad Dahalan dan Mohamad Azlan Yahya, 2017, Hakam Dalam Mahkamah Syariah : Analisis Pelaksanaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia, Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE), Grand Bluewave Hotel, Shah Alam, Malaysia.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, 2005, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Mohamad Hafifi Hassim, Nor 'Adha Ab Hamid, Norazla Ab Wahab, Nurhafizah Raja Abdul Aziz, Roslinda Ramli, Siti Noor Ahmad, 2019, Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dalam Islam : Aplikasinya Terhadap Kes-Kes Kekeluargaan Dan Kehartaan Di Mahkamah Syariah, e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, Vol 6, No. 2 (September 2019), KUIS, hlm 1-14
- Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor dan Siti Amalina Ahmad Khairuddin, 2020, Hakam Dan Aplikasinya Dalam Penyelesaian Kes Perceraian Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor, International Multidisciplinary Postgraduate Virtual Conference 2020 (IMPC20), 9 & 10 Disember, Centre of Graduate Studies, hlm 182-184. UNISEL
- Siti Shamsiah Md Supi, 2015, Hakam : Berikan Peluang Kepada Wanita, Institusi Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdullah Basmeih. 1963. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an 30 juzuk Rasm Uthmani. Kuala Lumpur: Dar al-Kitab Malaysia.

ENAKMEN DAN KAEDAH:

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
Kaedah-kaedah Hakam Negeri Selangor (Pindaan 2014)